

Company Name : NexG Berhad
Date : 10 July 2025
Source : Berita Harian

NexG Beli Kilang, Pejabat, Gudang RM28.5 Juta Pacu Pengembangan Global



Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif NexG, Datuk Hanifah Noordin.

KUALA LUMPUR: NexG Bhd (NexG) meneruskan pelan pengembangan globalnya dengan cadangan pengambilalihan aset perindustrian bernilai RM28.5 juta di Petaling Jaya, sekali gus memperkukuh kedudukannya sebagai pemain utama dalam pasaran dokumen pengenalan diri (ID) fizikal dan digital di rantau ini.

Langkah strategik itu melibatkan pembelian sebuah kilang dua tingkat, blok pejabat tiga tingkat, gudang dua tingkat dan pondok pengawal di atas tanah seluas 6,182 meter persegi di Jalan 223, hanya dua blok dari pusat perkilangan sedia ada NexG.

Menurut Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif NexG, Datuk Hanifah Noordin, pengambilalihan ini akan menyokong pelan pelaburan syarikat bernilai RM250 juta yang diumumkan sebelum ini, termasuk pembangunan loji pengeluaran dokumen ID sekuriti berteknologi Industri 4.0.

"Pengambilalihan aset ini membolehkan kami menyatukan operasi penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pengeluaran di lokasi berdekatan. Ini dapat menjana kecekapan operasi, penjimatan kos, kawalan kualiti lebih baik dan peningkatan kapasiti pengeluaran," katanya dalam kenyataan media hari ini.

Beliau menambah bahawa pengukuhan keupayaan ini akan dipacu oleh pelaburan dalam teknologi canggih seperti kecerdasan buatan (AI), selari dengan matlamat NexG untuk menjadi peneraju serantau dalam sektor identiti fizikal dan digital.

Aset baharu itu akan dibiayai melalui gabungan dana dalaman, pinjaman bank dan hasil penempatan persendirian yang sedang berlangsung.

Terdahulu pada Mei lalu, NexG mengumumkan rancangan pelaburan sebanyak RM250 juta untuk membina loji pengeluaran dokumen ID bersepadu dengan kapasiti tambahan sehingga 50 juta unit setahun. Loji itu akan dibina dalam tiga fasa, dengan setiap fasa menyumbang lebih 15 juta unit setahun.

Setiap fasa pengeluaran juga dijangka mampu menjana pendapatan antara USD100 juta hingga USD200 juta, bergantung kepada jenis dokumen yang dikeluarkan, skop projek dan keperluan keselamatan setiap negara.

Pelaburan strategik itu membolehkan NexG memenuhi permintaan global terhadap sistem pengenalan diri yang selamat dan dipercayai, selain meningkatkan daya saing syarikat dalam pasaran yang semakin berkembang.

Gabungan pelaburan modal, perkongsian strategik dan pendekatan teknologi tinggi menjadi tonggak utama transformasi NexG ke arah penguasaan pasaran serantau dan global dalam sektor keselamatan digital dan fizikal.